

DR. M: "SUDAH BERSEDIakah KITA?"

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berpendapat adalah menjadi dasar Malaysia untuk "mempelbagai" negara-negara yang didampinginya. "Kita mahu belajar dan mendapat faedah daripada sebanyak mungkin negara, terutama negara-negara maju," jelas beliau.

Dr. Mahathir tidak nampak alasan mengapa kita harus melihat pada satu-satu negara sahaja. "Dasar Pandang ke Timur yang kita laksanakan bukan bererti kita menolak Barat."

Beliau berkata demikian apabila bertemu wartawan-wartawan Malaysia sebelum mengakhiri lawatan rasmi empat hari ke Perancis.

Dr. Mahathir berpendapat kita harus belajar daripada sesiapa pun, baik di Timur atau Barat, untuk mendapat kejayaan yang lebih besar buat negara kita. Masalahnya ialah, pada satu ketika dahulu kita terlalu taksud dengan Barat, hingga kita terlupa bahawa orang-orang Timur juga mempunyai nilai dan etika yang membolehkan mereka mencapai kejayaan.

Dr. Mahathir melihat banyak ruang untuk meningkatkan hubungan dengan negara-negara macam Perancis. Selama ini kita "mengabaikan" Perancis antara lain kerana sejarah dan kebudayaan. Tambahan pula Perancis sendiri telah melaksanakan dasar baru untuk "memandang ke Asia" bermula awal tahun ini. Ini akan membolehkan lebih banyak bentuk kerjasama dan dagangan dua hala serta kegiatan perniagaan bersama untuk masa depan.

Pada waktu yang sama beliau mengingatkan bahawa usaha kerajaan memperkenalkan teknologi baru dan canggih akan sia-sia sekiranya rakyat tidak berminat untuk mempelajarinya. Ia juga akan menjejaskan kemajuan negara dan melambatkan proses ke arah menjadikan masyarakat Malaysia lebih progresif lagi dihormati.

Pemindahan teknologi tidak akan bermakna kalau hanya sebelah pihak sahaja yang bertepuk tangan. Kedua-dua pihak harus berminat - pihak yang menawarkan teknologi dan pihak yang menerima teknologi itu.

Dr. Mahathir berkata tidak ada gunanya kita menyalahkan negara-negara maju yang melecehkan usaha untuk memindahkan teknologi pada Malaysia. Sebaliknya kita harus menanyakan kesediaan kita sendiri untuk menerima pemindahan teknologi itu.

"Tidak ada yang ajaib tentang teknologi, walaupun secanggih mana," kata Dr. Mahathir. "Teknologi memerlukan usaha dan minat yang mendalam."

Dr. Mahathir jelas tidak berpuas hati dengan kemajuan pemindahan teknologi ke negara ini. "Orang kita masih kurang berminat," tegas beliau.

Ditanya siapakah yang harus menggerakkan usaha bagi memastikan pemindahan teknologi yang lebih licin, beliau berkata, "semua pihak."

Ini termasuklah pekerja, kakitangan awam, usahawan dan kerajaan sendiri.

Apakah modal menjadi halangan? "Itu hanya alasan," katanya.